

Tambahan RM100j untuk Palestin

PM tegaskan Malaysia terus ganda sokongan bantu Gaza

Kuala Lumpur: Malaysia tidak pernah berpaling daripada memperjuangkan nasib rakyat Palestin meskipun dunia mendabik dada mengenai hak asasi dan demokrasi memilih berpaling, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri menegaskan dalam setiap pertemuan antara-

bangsa sama ada di Tokyo, Jepun; Beijing, China; New Delhi, India mahupun Eropah, beliau tidak pernah lupa membawa suara rakyat dizalimi di Gaza.

“Sejak puluhan tahun, tanah Palestin dirampas, rumah dihancurkan, sekolah dimusnahkan, bahkan masjid dan gereja pun tidak terlepas daripada kezaliman Zionis. Apa yang berlaku di Gaza hari ini bukan sekadar peperangan, tetapi penjajahan dalam bentuk paling zalim dan tidak berperikemanusiaan.

“Ini bukan perbuatan manusia, ini perbuatan haiwan! Segalanya dirampas, tanah, rumah, keluarga, nyawa,” kata beliau menerusi

hantaran di Facebook, semalam.

Terus melangkah tanpa takut

Perdana Menteri turut menegaskan bahawa Malaysia akan terus menggandakan sokongan dalam usaha memperjuangkan nasib penduduk di Gaza dan pembedaan Palestin.

“Malaysia bersama rakan antarabangsa terus menyalurkan bantuan, daripada rawatan perubatan hingga peluang pendidikan dan malam tadi (kelmarin), Kerajaan MADANI mengumumkan tambahan dana RM100 juta untuk rakyat Palestin.

“Kita tahu ada kalanya perjuangan ini terasa melelahkan.

Kadangkala terasa buntu dan tanpa harapan. Tetapi janji Allah jelas. Pertolongan-Nya itu dekat. Kita perlu terus percaya dan teguh melangkah tanpa takut dan gentar. Percayalah, kebenaran dan keadilan pasti akan menang,” katanya.

Malam Himpunan dan Selawat Malaysiaku Bersama Gaza di Dataran Merdeka, di sini malam kelmarin, menghimpunkan kira-kira 20,000 orang.

Anwar' ketika berucap pada program itu turut mengumumkan peruntukan tambahan RM100 juta bagi membantu rakyat Palestin di Gaza yang menghadapi krisis kemanusiaan.

“Ingatlah, suara yang bergema malam ini (kelmarin) bukan suara parti, bukan suara kaum, tetapi suara rakyat yang menuntut keadilan. Jangan biarkan perpecahan melemahkan kita.

“Kepada saudara-saudara kita di Gaza dan Palestin, ketahuilah kami tidak akan meninggalkan kalian. Kami belajar daripada semangat kalian, kami hormati dan junjung tinggi perjuangan kalian. Dengan izin Allah, kami akan teguh bersama kalian buat selamanya,” kata beliau.

BERNAMA

Israel musnahkan ladang milik petani Palestin- Dunia 30